Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

1 MEI, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENUBUHAN UNIVERSITI : TITAH PENGUMUMAN YANG SANGAT MENGGEMBIRAKAN

Negara kita insya-Allah akan mempunyai universiti tidak berapa lama lagi. Ini telah diumumkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sewaktu bertitah dalam majlis penyampaian hadiah-hadiah Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan baru-baru ini.

Menurut Baginda penubuhan universiti itu adalah sebagai lanjutan kepada kursus Sarjana Muda Pendidikan yang sudah pun diadakan di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah. Kerajaan kita, titah Baginda melalui Kementerian Pelajaran dan Kesihatan insya-Allah mulai tahun ini akan meluaskan lagi kursus Sarjana muda itu meliputi beberapa mata pelajaran yang mana akan memberikan kemudahan yang lebih luas dalam bidang pengajian tinggi di negara ini sendiri.

Pengumuman Baginda itu telah mendapat sambutan dan dialu-alukan oleh semua peringkat di negara ini. Pemikiran mengenai penubuhan universiti bukanlah pemikiran baharu. Kerajaan kita lama sebelum merdeka dahulu telah mendatangkan pakar perunding bagi meninjau kemungkinan menubuhkan universiti. Pada masa itu tentulah taraf pengajian dan pendidikan di negara ini masih dipersoalkan. Orang tentu menilik sejauh mana sistem pendidikan yang ada telah berjaya dan mempunyai potensi untuk berkembang. Pada masa itu boleh dikatakan pemikiran tidaklah bulat untuk meyakini penubuhan sebarang institusi pengajian tinggi, apa lagi sebuah universiti.

Tetapi berkat suasana dalam era kemerdekaan, Kerajaan dengan kebijaksanaan serta hemah tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menerusi Kementerian Pelajaran dan Kesihatan telah mengambil langkah yang bersungguh-sungguh. Adalah diketahui betapa tenaga-tenaga di kementerian tersebut khasnya di Jabatan Pelajaran telah digerakkan dengan cergasnya bagi meneliti rancangan asal penubuhan universiti dan merangkakan langkah-langkah yang perlu dan sesuai dengan suasana sekarang bagi pelaksanaannya. Dan alhamdulillah ternyata usaha yang telah dibuat itu menepati sasarannya. Manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengumumkan rancangan penubuhan universiti itu maka ia bukan sahaja meningkatkan lagi kegigihan tenaga di kementerian berkenaan bahkan membulatkan pemikiran dengan keyakinan yang kuat bahawa tidak syak lagi negara kita pasti akan mempunyai sebuah universiti.

Penubuhan universiti itu dirasakan perlu bukan semata-mata bagi tujuan kemasukan penuntut-penuntut ke pusat-pusat pengajian tinggi yang selama ini dipenuhi dengan menghantar mereka ke seberang laut. Setelah universiti ditubuhkan di negara ini pun kita sudah barang setentunya akan terus membuka pintu bagi melanjutkan pengajian di seberang laut itu khasnya bagi kursus ikhtisas yang kita belum mampu mengadakannya di dalam negeri. Maka penubuhan universiti patut dilihat menerusi pertaliannya dengan dasar pendidikan kita yang pada pokoknya bertujuan melahirkan generasi yang berilmu dan beriman yang lengkap dengan sikap serta komitmennya kepada aspirasi nasional negara ini sebagai negara Melayu Islam Beraja. Kejayaan sistem pendidikan yang sedemikian tentu sahaja memerlukan suasana yang sesuai bagi perkembangannya. Maka suasana tersebut tidak mungkin tumbuh berakar-umbi di seberang laut melainkan di tanahair kita sendiri. Pertumbuhan dan perkembangannya tentu kemudian akan mempengaruhi suasana dalam bidang-bidang keilmuan termasuklah anak-anak kita yang menuntut di seberang laut yang sebelumnya tentu telah dipersiapkan dengan asas yang kuat bagi pembentukan sikap dan komitmen kepada aspirasi nasional.

Kerana itulah pengumuman Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai universiti yang akan ditubuhkan itu Baginda kaitkan dengan kehendak-kehendak menyesuaikan pendidikan yang sempurna yang berasaskan ajaran-ajaran Al-Quran di mana ketinggian ilmu pengetahuan hendaklah digandingi oleh kemuliaan budi-pekerti supaya dengan yang demikian tercapailah pendidikan yang bermanfaat kepada kemajuan Negara Brunei Darussalam melalui tenaga manusia yang jujur lagi ikhlas.

Ke arah penubuhan universiti itu Kementerian Pelajaran dan Kesihatan khasnya Jabatan Pelajaran tentu akan mengeluarkan maklumat-maklumat yang berkaitan mengenai langkah-langkah yang diambil. Ini perlu bagi memberikan gambaran yang sejelas-jelasnya bahawa bukan sahaja Kerajaan telah merancangkan tenaga pengajar menerusi skim pengajian post graduate bahkan untuk meyakini orang ramai tentang mutu pengajian di universiti yang akan tertubuh itu. Tidak syak lagi Kerajaan telah membuat perkiraan yang teliti pada menjamin mutu pengajian di universiti itu nanti kalaupun tidak melebihi tetapi sebanding tarafnya dengan mutu pengajian di universiti-universiti yang diiktiraf. Menerusi maklumat-maklumat yang akan dikeluarkan kita percaya orang ramai akan bertambah yakin akan kemampuan kita di negara ini menubuhkan universiti itu.

### Untuk keselamatan dan kesejahteraan yang berkekalan

# AMALKAN PENDIDIKAN AL-QURAN — titah

**BERIKUT ialah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien, di Ibu Negara hari Selasa 23 April yang lalu.**

Bismillah hirrahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, salawat serta salam bagi junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat Baginda, sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita pada malam ini dapat lagi berkumpul bersama-sama dalam satu majlis yang penuh dengan kebajikan dan berkat sebagaimana juga di tahun-tahun yang sudah.

#### MEMBANGGAKAN

Tetapi pada tahun ini ada satu kelebihan yang membanggakan kita iaitu sebagaimana kita telah difahamkan bahawa pertandingan kali ini ialah pertandingan yang ke-25 yakni genap 25 tahun kita mengadakan pertandingan membaca Al-Quran bagi Negara Brunei Darussalam iaitu satu jangka masa yang agak panjang juga dan dengan demikian ia telah menjadi salah satu cara kita menghayati Al-Quran.

Pertandingan dan pelajaran-pelajaran Al-Quran di negara ini antara lain merupakan usaha Kerajaan kita yang terus-menerus pada meninggikan mutu bacaan Al-Quran itu sendiri serta juga untuk kepesatan pelajaran ugama yang lebih menjamin dari segi amalan-amalan Fardu Ain dan ibadat Umat Islam.

Kita berharap kesempatan dan peluang yang telah dan sedang diberikan dengan luasnya oleh Kerajaan kita dalam bidang-bidang keugamaan hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya terutama oleh generasi baru yang menjadi harapan masa depan Negara Brunei Darussalam bagi mendapatkan sebanyak-banyaknya kemahiran di bidang pembacaan Al-Quran dan juga kefahaman yang betul mengenai ajaran-ajaran Ugama Islam serta menghayatinya dengan penuh kesedaran.

#### MASALAH BELIA

Menyentuh generasi baru ini boleh dikatakan bahawa semua negara di dunia masing-masing menghadapi masalah belia-belia mereka. Setengah daripada masalah-masalah itu amat membimbangkan kita sebagai suatu bangsa yang berkehendakan kehidupan yang stabil dan berbudi pekerti.

Sebahagian belia-belia pada setengah-tengah tempat atau negeri tidak lagi menjadi ejen kebajikan tetapi menjadi beban yang berat kepada negara mereka. Tidak lagi menjadi kebanggaan bangsa tetapi bertukar menjadi kebencian umum pula iaitu setelah belia-belia itu bersikap liar dan menjadi ancaman kepada negara serta menjadi penyebar kerosakan dan penyakit sebagai pelanggar tata susila dan budaya yang sopan lagi senonoh.

Bagi mempastikan pendidikan yang sempurna yang berasaskan ajaran-ajaran Al-Quran yang secucuk dengan tema pada malam ini maka ketinggian ilmu pengetahuan hendaklah digandingi oleh kemuliaan budi pekerti supaya dengan yang demikian tercapailah pendidikan yang bermanfaat kepada kemajuan Negara Brunei Darussalam melalui tenaga manusia yang jujur lagi ikhlas.

#### SARJANA MUDA

Ke arah cita-cita tersebut dan sebagai lanjutan kursus kepada kursus Sarjana Muda Pendidikan yang sedang dikendalikan oleh Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (IPSHB) pada masa ini Kerajaan kita melalui Kementerian Pelajaran dan Kesihatan insya-Allah mulai tahun ini akan meluaskan lagi kursus-kursus Sarjana Muda itu meliputi beberapa mata pelajaran yang mana akan memberikan kemudahan yang lebih luas dalam bidang pengajian tinggi di negara ini sendiri.

#### UNIVERSITI

Dalam erti kata lain insya-Allah Kerajaan kita akan menubuhkan sebuah universiti di Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dengan memulakan kursus-kursus yang mengandungi berbagai-bagai mata pelajaran itu mulai akhir tahun ini.

Oleh kerana itu dengan penuh kesedaran serta penuh keimanan kita hendaklah meletakan Al-Quran itu di tempatnya yang paling tinggi sebagai dasar pedoman pendidikan bangsa supaya kita tidak terumbang ambing dirosakkan oleh ciri-ciri kehidupan yang liar yang sudah mula ingin memenuhi setiap ruang masa dan keadaan hari ini.

Adalah mustahak bagi kita mempelajari dan menyedari akan dasar-dasar pendidikan Al-Quran kerana tugas ini adalah merupakan suatu kewajipan yang terbesar bagi kita masyarakat Islam.

Kita percaya bahawa hanya dengan menerima dan mengamalkan isi pendidikan Al-Quran dan dibantu oleh cara-cara dan kaedah yang sesuai dengan zaman sekarang ini maka keselamatan dan kesejahteraan akan sentiasa dapat kita perolehi yakni keselamatan di dunia dan juga di akhirat. Untuk mengakhiri ucapan kita ini marilah kita sama-sama terus berusaha dan berharap serta berdoa mudah-mudahan usaha-usaha kita yang tekun lagi jujur ke arah meninggikan syiar Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam ini akan sentiasa diberkati dan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wataala.

## RALAT

PELITA Brunei keluaran 24 April 1984, muka depan di bawah tajuk ''Jangan Syak Terhadap Al-Quran'' dari petikan ucapan Menteri Pelajaran dan Kesihatan YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika merasmikan Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan, pada para 6 terdapat sedikit kesilapan cetak dan hendaklah dibaca yang berbunyi seperti berikut:

''Kita perlu menegaskan, bahawa dasar pelajaran seperti itu tidaklah harus dikhuatiri akan membantut pembangunan atau membawa kemunduran, sebab kekhuatiran yang telah terbukti ialah apabila DASAR pelajaran TERPISAH dari ajaran Al-Quran, maka berbagai kepincangan akan timbul menghalang kemajuan yang diidamkan,'' tegasnya lagi.

## Pejabat Pos Muara yang baru

MUARA. — Jabatan Perkhidmatan Pos negara ini memaklumkan kepada orang ramai bahawa cawangan Pejabat Pos Muara yang baru akan memulakan perkhidmatannya mula hari ini, 1 Mei.

Serentak dengan itu juga, Pejabat Pos Muara yang ada sekarang (bangunan lama) diberhentikan perkhidmatannya kepada orang ramai pada tarikh yang sama.

Pejabat Pos yang baru itu akan mengadakan perkhidmatan seperti kiriman wang, wang pos, mel berdaftar, penyerahan ekspres, penyerahan berekod, peti surat persendirian, penerimaan bungkusan-bungkusan dan lain-lain keperluan. Perkhidmatan pejabat tersebut merangkumi sekitar Pekan Muara. — JOE.

## Perlawanan senaman 5 Mei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan senaman dan permainan bagi sekolah-sekolah rendah Kerajaan seluruh negara akan dilangsungkan buat pertama kalinya serentak pada hari Ahad 5 Mei depan bermula jam 8.30 pagi.

Bagi Brunei I pertandingan akan dijalankan di Padang Sekolah Rendah Kerajaan Pintu Malim, Brunei II di Padang Sekolah Anak-Anak Askar, Berakas Garison, Brunei III di Padang Sekolah Rendah Kerajaan Bendahara Sakam Bunut dan Brunei IV di Padang Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalan Batu.

Sekolah Rendah Kerajaan Sengkarai akan menjadi pusat pertandingan bagi Tutong I sementara Padang Sekolah Rendah Kerajaan Tumpuan Telisai pula untuk pertandingan kawasan Tutong II.

Pusat pertandingan bagi Daerah Kuala Belait ialah Sekolah Rendah Kerajaan Seria sementara pertandingannya akan dijalankan di padang Arena Sukan Seria.

Sementara Daerah Temburong pula pertandingan akan dilangsungkan di Padang Sekolah Rendah Kerajaan Selangan.

Sementara itu kejohanan rentas desa bagi sekolah-sekolah menengah maktab senegara berumur 15 tahun ke bawah dan 16 tahun ke bawah lelaki dan perempuan akan dilangsungkan di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara pada hari Ahad 12 Mei 1985 bermula jam 2.00 petang.

Kedua-dua pertandingan dianjurkan oleh Bahagian Unit Kegiatan Jasmani Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-275

# PUAK BATINIYYAH SIRI KETIGA



### KETURUNAN KELUARGA 'UBAID (AL-'UBAIDIYYIN) :

KELUARGA 'Ubaid itu adalah anak cucu Maimun (Maimun bin Al-Asyas -saudara kepada Hamdan bin Al-Asyas, pemimpin kuat Batiniyyah) mereka mengaku dan mendakwa bernasab (berketurunan) kepada Muhammad bin Ismail bin Ja'afar As-Sadiq bin Muhammad bin Al-Bakir bin Ali Zainal'abidin bin Al-Hussin As-sibt bin Sayidina 'Ali bin Abi Thalib Radhiallahu anhum, akan tetapi Ismail itu telah mati dalam hayat ayahandanya Ja'afar As-Sadiq, dan Muhammad itu tiada meninggalkan keturunan, sebagaimana telah ditegaskan oleh ulama nasab yang muktamad dan yang dipercayai, dan Al-Imam Abdul Kahir At-Tamimi yang terkenal telah menyebutkan perkara itu dengan luas dalam kitabnya Al-Farqu Bainal Firaq.

Adapun dakwaan mereka bahawa mereka dari keturunan pemimpin yang tersembunyi (Aimmatun Masturin ) maka itulah menunjukkan mereka tiada mempunyai nasab, (lihat kitab Wafayatul A'yan Libni Khallikan 259 dan 272), dan Al-Muiz yang memerintah Mesir dari keluarga 'Ubaid itu telah menghunus pedang dan menaburkan wang emas (dinar) kepada orang yang hadir, dengan berkata : "Ini dia nasab aku (pedang) dan ini dia kebesaran darjat aku (wang dinar)", ketika ia menjawab soal orang-orang yang bertanya akan nasab keturunannya, sebagaimana tersebut dalam kitab-kitab Tarikh. Orang-orang puak 'Ubaid itu ada mempunyai kitab-kitab yang tersendiri dan kitab fiqeh yang tersendiri dan yang menulis fiqeh mereka ialah seorang Yahudi yang bernama Ibni Kals Al-Yahudi berbangsa Yahudi.

### GELARAN-GELARAN BAGI PUAK BATINIYYAH.

Bagi orang-orang Mulhid dan zindiq yang disebutkan ini, ada berbagai nama dan sebutan mengikut keadaan negeri di mana mereka berpengkalan dan bertapak, yang lebih mashyur nama mereka ialah "Al-Batiniyyah", kerana mereka menyangka dan berkata bahawa tiap-tiap sesuatu mestilah ada zahirnya dan ada batinnya, dan tiap-tiap nas dan ayat Al-Quran mestilah ada Takwil dan pengertiannya sendiri di sisi mereka, semuanya itu supaya dapat mereka keluar meloncat dari ugama Islam.

Puak Batiniyyah Iraq dikenali sebagai "Qaramitah" atau "Mazdakiyyah" sebab mereka berugama dengan ugama yang bersekutu pada kemaluan perempuan, dan bersekutu pada harta benda (seperti orang Komunis Russia sekarang), dan ugama bersekutu itu telah direka oleh seorang bernama Mazdak yang ada pada zaman raja Qubaz keluarga Sasan Farsi.

Puak Batiniyyah di Khurasan dikenali sebagai "At-Ta'limiyyah" dan "Al-Malahidah" (Mulhid Atheis) dan dengan "Al-Maimuniyyah", nisbah kepada Maimun saudara Qarmat yang telah lalu sebutannya itu, bukan kepada Maimun bin Daisan, kerana Maimun bin Daisan tiada ada mempunyai Furuk atau keturunan, bahkan ia asal malapetaka yang membuahkan Mazhab Al-Batiniyyah itu.

Puak Batiniyyah di Mesir dikenali dengan puak "Al-'Ubaidiyyah", nisbah kepada 'Ubaid Al-Bathini yang terkenal itu, Puak Batiniyyah di Sham dikenali sebagai "Al-Nusairiyyah", "Al-Duruuz" "Al-Tayamunah", (orang-orang Syria berkata kepada saya kekalahan orang-orang Syria di Bukit Golan, di tangan Sahyun (Zionis) Israel ialah dengan sebab orang Duruuz di Bukit Golan itu belot), Di Palestin puak-puak Batiniyyah dikenali dengan nama "Al-Bahaiyyah" (yang berpangkalan di tempat bernama 'Aka dan Bandaraya Chicago di Amerika Syarikat, dan di sebelah sini dikenali dengan nama Bahai). Di negeri India Hindustan Puak Batiniyyah dikenali dengan nama "Al-Bahirah" dan "Al-Ismailiah", dan di negeri Yaman dikenal dengan nama "Al-Yamiyyah", nisbah kepada satu kabilah atau suku yang terkenal di sana dan di negeri Kurdi (negeri Kurdi terbahagi kepada tiga bahagian, sebahagian di Iran dan sebahagian di Iraq dan sebahagainnya lagi terkandung dalam negeri Turki) terkenal dengan nama "Al-'Alawiyyah" kerana mereka Al-Batiniyyah Al-'Alawiyyah itu berkata Sayidina Ali ialah Allah, (Maha suci Allah Taala dari kata-kata mereka), di negeri Turki dikenal mereka dengan nama "Al-Bakdaasyiah" dan Al-Qazlibaasyiah", menurut keadaan kedudukan puak Al-Batiniyyah itu di sana. dan di Negeri Iran dikenal dengan nama Al-Babiyyah (dan dari Al-Babiyyah itu berpecah menjadi puak bernama "Al-Bahaiyyah" sebagaimana tersebut di atas. Sekarang di Iran dengan terang-terang terdapat puak Bahaiyyah yang menjadi kaum minoriti).

Puak Batiniyyah yang bermacam-macam nama itu ada mempunyai cawangan-cawangan dan pengikut-pengikut hingga zaman kita ini, masing-masing cawangan atau furu' itu berkulit dengan kulit masa dan zamannya, dan berupa dengan rupa menurut keadaan suasana sesuatu tempat itu, (sebagaimana puak Batiniyyah yang ada di Tanah Melayu dan di pulau-pulau gugusan pulau-pulau Melayu bercorak dengan corak tempat timbulnya dan bernama dengan nama penganjurnya). Puak Batiniyyah dahulukala memakai nama Al-Isma'il-iah bagi membezakan puak mereka dari puak Syi'ah yang lain dan kita telah menerangkan bahawa hubungan mereka dengan Al-Imam Isma'il bin Ja'afar - As-Sadiq adalah sama dengan hubungan mereka dengan Ugama Islam (bukan anak cucu Al-Imam Isma'il dan mereka bukan berugama Islam, sebutan Islam bagi mereka ialah topeng bagi menipu orang Islam semata-mata).

Bahkan mereka berbeza dari lain-lain puak, kerana mereka mendakwa bahawa Tuhan telah menjelma ke dalam tubuh pemimpin-pemimpin mereka (imam-imam mereka), dan dalilnya seperti kata Al-Muarikhul Kadhi Bahauddin Yusof Al-Jundiyyu Al-Yamani : Adalah kepala surat Ibnu Fadhdul Batini yang ada di Yaman, yang ditujukannya kepada Asad bin Ya'fir berbunyi begini : "Daripada Tuhan yang meratakan bumi, dan yang menggegarkan gunung dan mencecakkannya di atas bumi 'Ali bin Al-Fadhl kepada hambanya As'ad.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

## Jadual lawatan Perkhidmatan Perubatan ke kampung pedalaman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter akan mengadakan lawatan ke kawasan pedalaman bagi bulan Mei ini.

Kawasan-kawasan pedalaman yang dijangka akan menerima perkhidmatan perubatan itu ialah Ulu Daerah Tutong, Belait dan Temburong.

Di Daerah Tutong rombongan perubatan akan berada di Supon Besar, Long Mayan Bukit Benutan dan Mapol pada 1, 6, 7, 14, 15 Mei ini. Dan pada 27 dan 28 Mei rombongan seterusnya berada di Ukong dan Belabau.

Bagi Daerah Belait, kawasan-kawasan yang akan dilawati oleh perkhidmatan perubatan-perubatan tersebut ialah Teraja Apak-Apak, Buau dan Sukang pada 8, 13 dan 28 Mei.

Sementara di Daeah Temburong pula, perkhidmatan serupa iti akan berada di Kampong-kampong Lopat dan Biang Menengah, Lamaling pada 20 dan 22 Mei.

## SIFAT CINTAKAN KEBUDAYAAN HENDAKLAH DIPUPUK DARI AWAL

KOTA BATU. — Dalam memupuk dan menanamkan sifat cintakan kebudayaan, para murid seharusnya didedahkan serta dididik di peringkat umur kanak-kanak lagi.

Di peringkat ini, peranan guru-guru hendaklah memastikan bahawa setiap pelajaran kebudayaan yang didedahkan kepada mereka itu semestinya mempunyai unsur-unsur cara hidup masyarakat Brunei dan ke-Islaman.

Ini telah ditegaskan oleh Penolong Pengarah Pelajaran Bahagian Rendah, Dy. Jahrah binti Hj. Mohamad ketika merasmikan Pertandingan Hadrah Sekolah-sekolah Rendah seluruh negara di Sekolah Rendah Kerajaan, Pintu Malim pada hari Ahad lepas.

Menyedari keadaan tersebut Jabatan Pelajaran telah memperkenalkan kegiatan hadrah di seluruh sekolah-sekolah di negara ini.

Kegiatan serupa itu semata-mata bertujuan bagi memupuk sifat cintakan dan memperkembangkan kebudayaan sendiri, jelasnya.

Dayang Jahrah berkata, aktiviti seperti hadrah ini bukan saja diperkenalkan dengan harapan supaya murid-murid itu akan dapat mengenali dan mempelajari tetapi seterusnya dapat memperkembangkan kebudayaan Melayu.

Dalam hubungan ini, sekolah-sekolah juga diharapkan akan dapat melahirkan anak-anak bangsa yang tidak hanya tinggi ilmu pengetahuan mereka malah juga akan dapat mengenali dan menghargai serta menghayati kebudayaan bangsa mereka sendiri, katanya lagi.

Menurut beliau aktiviti hadrah di sekolah-sekolah selain merupakan salah satu kegiatan luar darjah ianya juga bertujuan untuk mengisikan masa lapang para murid sambil mengisikan ilmu pengetahuan yang bercorak kebudayaan bangsa.

Kaedah serupa itu adalah dihasratkan supaya murid-murid itu sendiri tidak hanya mampu mengenali lagu-lagu pop atau tidak hanya pandai bermain gitar dan drum malah agar mereka itu akan mahir mendendangkan lagu-lagu hadrah dan dapat memukul rebana dengan irama yang nyaman.

Menyentuh tentang pertandingan hadrah pada tahun ini beliau menjelaskan bahawa permainan hadrah ini boleh kita jadikan sebagai titian untuk meresapkan kepada kanak-kanak tentang Konsep Negara Melayu Islam Beraja.

Di samping itu beliau berharap dalam pertandingan itu, kemenangan bukanlah perkara objektif tetapi yang penting ialah kegiatan yang sihat itu akan terus hidup subur di jiwa setiap murid-murid.

Pertandingan kali kesembilan yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran itu adalah merupakan projek tahunan kelolaan Bahagian Kegiatan Luar jabatan itu.

Dari 11 buah sekolah-sekolah rendah Kerajaan seluruh negara yang menyertai pertandingan hadrah tahun ini, 10 daripadanya adalah dari Daerah Brunei dan Muara dan sebuah lagi adalah dari Daerah Temburong.

Menurut Pengerusi Pertandingan antara lain tujuan pertandingan itu diadakan ialah untuk mengetahui sejauh mana perkembangan permainan hadrah di sekolah-sekolah rendah Kerajaan di seluruh negara pada masa ini. Di samping itu ianya juga bertujuan untuk mempereratkan hubungan silaturahim di antara sekolah-sekolah rendah Kerajaan di negara ini.

Dalam pertandingan akhir itu, Sekolah Rendah Kerajaan Pengiran Anak Puteri Besar Brunei I telah memenangi tempat pertama, tempat kedua jatuh kepada Sekolah Rendah Kerajaan Anggerek Desa Brunei II dan pemenang tempat ketiga ialah Pasukan Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Si-Amas Brunei I. Ketiga buah kumpulan itu membawakan lagu Bismillah.

Pertandingan hadrah pada tahun ini dibahagikan kepada satu bahagian sahaja iaitu sekolah-sekolah rendah Kerajaan. Sementara pada tahun-tahun yang sudah pertandingan serupa itu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian aliran Melayu dan Inggeris.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1 Mei, 1985 hingga ke hari Selasa 7 Mei, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| *HARI* | *ZUHUR* | | *ASAR* | | *MAGHRIB* | | *ISYAK* | | *IMSAK* | *SUBUH* | | *MATA-HARI* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *BULAN* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | | *Mulai* | *Berakhir* | *TERBIT* |
| Mei | | | | | | | | | | | | |
| 1– 5 | 12.24 | 3.37 | 3.38 | 6.30 | 6.31 | 7.42 | 7.43 | 4.52 | 4.39 | 4.53 | 6.06 | 6.07 |
| 6– 7 | 12.23 | 3.37 | 3.38 | 6.30 | 6.31 | 7.42 | 7.44 | 4.52 | 4.39 | 4.53 | 6.05 | 6.06 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 1 Mei, 1985.

# PENDIDIKAN AL-QURAN MENYAHUT CABARAN, MEMBENTUK MANUSIA SALIH

**BERIKUT ini ialah syarahan khas di majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang disampaikan oleh Ustaz Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Pegawai Ugama Kanan pada 23 April, 1985 di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.**

DICERITAKAN bahawa dalam Peperangan Dunia Kedua, di sebelah sini musuh pada masa itu ialah Jepun. Sebuah negara telah kalah dengan mudahnya di tangan Jepun, kejadian itu berlaku pada tahun 1942. Kekalahan itu disebabkan semua meriam-meriamnya yang besar terikat secara kekal di atas landasan yang konkrit. Semua meriam itu menghala ke laut, strategi tentera negara berkenaan itu membuat ramalan bahawa musuh-musuh akan datang dari arah laut, tetapi apabila serangan Jepun itu datang dari belakang melalui hutan belantara, pertahanan negara berkenaan yang dianggap kubu kebal yang mustahil dapat dipatahkan dan mustahil dapat ditembusi, sekarang ternyata tidak berkesan lagi. Meriam-meriam itu memang gagah perkasa. Tetapi ia mengadap ke arah yang salah.

Itu dia sebahagian kecil dari pengalaman sejarah, kita bawakan perkara ini di sini supaya ia akan merupakan tamsil ibarat, menjadi iktibar pengajaran. Kita boleh membuat kesimpulan-kesimpulan yang banyak termasuk bahawa seorang hamba, bahkan suatu umat sekalipun, akan boleh saja menempuh kegagalan dan keruntuhan, sekalipun ia semacam meriam itu yang nampaknya gagah perkasa, jika menghalakan hidupnya ke arah yang salah.

Pendidikan pun akan gagal menghasilkan buah yang diharap-harapkan jika sekiranya ia memilih strategi yang salah, sekalipun ia dapat melahirkan banyak lulusan, tetapi akan kecewa untuk melahirkan manusia berakhlak, manusia yang salih.

Al-Quran itu indah dalam semua sudut, Al-Quran itu indah dalam semua bidang, semua orang tahu, sekalipun musuh-musuh Al-Quran itu sendiri.

"Al-Quran Asas Pendidikan Yang Sempurna." Demikianlah tema pertandingan musabaqah Al-Quran pada tahun ini yang nanti akan kita huraikan menurut keupayaan dan kadar masa yang sangat terhad.

Apakah pendidikan itu?

Secara yang mudah difaham, kita akan melihat satu keluarga burung. Anak-anak burung yang belum boleh terbang akan terpaksa mengharapkan bantuan makanan dari ibu burung. Tindakan ibu burung yang berusaha memberi makan, mengajar supaya anak-anak pandai terbang — walaupun sebenarnya burung-burung tidak perlu diajar terbang — dan mengajar anak-anaknya supaya dapat hidup sendiri, maka tindakan ibu burung sedemikian itu adalah pendidikan.

Mendidik anak, mendidik manusia tidaklah semudah induk-induk burung mendidik anak-anaknya, kerana pendidikan bagi manusia adalah meliputi dan melingkungi aspek-aspek pendidikan rohani, pendidikan akal, pendidikan jasmani dan seluruh kehidupan sosialnya.

Manusia mendidik anak-anaknya supaya rohaninya luhur dan berbudi pekerti, supaya akal waras dan cerdas. Manusia mendidik anak-anaknya supaya tubuh badan anak itu sihat dan kuat, dan supaya ia tahu bermasyarakat dan menyesuaikan dirinya di mana ia hidup berdasarkan aturan-aturan yang luhur dan murni.

Bahkan manusia itu mendidik dirinya sampai akhir hayatnya mendidik melalui pengalamannya sendiri dan pengalaman orang lain, mendidik melalui pancaindera zahir dan pancaindera batin, mendidik melalui perancangan yang teratur dan rapi.

Matanya hendaklah terbuka supaya ia belajar dari penglihatannya, dan terdidik dengan penglihatan itu, telinganya juga terbuka supaya ia belajar dari pendengarannya dan dengan pendengaran itu ia mendidik jiwanya. Kerana itu dalam Al-Quran penuh dengan tamsil ibadat, penuh dengan iktibar dan pengajaran yang merupakan pendidikan secara langsung dan tidak langsung. Pengalaman-pengalaman umat yang terdahulu seperti umat Nabi Noh patut jangan berulang. Peristiwa umat Nabi Hud, Salleh, Luth dan lain-lain patut menjadi iktibar. Kesudahan yang buruk dan hina yang menimpa Firaun dan bala tenteranya yang tenggelam di Laut Merah bukanlah dongeng sejarah. Karun dan Haman adalah di antara penjahat-penjahat yang besar yang diceritakan oleh Allah di dalam Al-Quran secara khusus dan terang bahawa kebesaran dan kekayaan jika disalah gunakan, jika tidak menepati dengan aturan yang telah ditentukan oleh Allah akan hancur dan lebur juga kesudahannya.

Semua itu diceritakan, kerana ia ada kaitan dengan tujuan pendidikan, pendidikan melalui pengalaman orang lain. Kedatangan para rasul dan para nabi sejak Nabi Adam sampai Nabi Muhammad Alaihimus Salatu Wasallam adalah untuk mendidik umat. Datang membawa perutusan yang kebanyakannya manusia itu tidak tahu apa yang perlu dibuatnya, apa yang perlu dilaksanakannya. Kedatangan para rasul dan nabi-nabi itu ialah untuk membetulkan akidah, meluruskan akhlak, datang untuk memimpin umat sesuai dengan keperluannya. Membetulkan akidah, meluruskan akhlak dan memimpin umat adalah unsur-unsur yang penting dari tujuan pendidikan Al-Quran, yang juga merupakan pendidikan Islam. Pendidikan itu tidaklah sama ertinya dengan pelajaran tetapi merangkumi keduanya.

Pendidikan Al-Quran, pendidikan Islam yang utama ialah membetulkan akidah, membenteras segala kemungkaran, kepercayaan dan iktikad yang salah, dalam waktu yang sama menanamkan supaya seorang hamba itu dapat mengenal Allah, supaya akan dapat mencintai Allah. Dan supaya di dalam jiwa hamba itu menaruh perasaan takut dan gementar akan kemurkaan Allah.

Apabila seorang hamba itu mengetahui bahawa Allah bersama-sama dalam semua gerak-gerinya, apabila seorang hamba itu telah mengetahui bahawa Allah ada mengawasinya, bahkan apabila seorang hamba itu mengetahui bahawa Allah itu lebih dekat dari urat lehernya, pasti hamba itu akan berhati-hati dalam semua perkara yang boleh menyebabkan Allah murka kepadanya.

Konsep mengenal Allah itu — sebagimana firman Allah dalam banyak Surah-surah dan ayat-ayat Al-Quran, di antaranya tafsirnya: "Tiadakah makhluk mengetahui bahawa Allah itu melihat." — Surah Al-Alaq ayat 14.

Firman Allah lagi yang tafsirnya: "Dan Dia (Allah) beserta kamu di mana pun kamu berada, dan melihat apa yang kamu perbuat." — Surah Al-Hadis ayat 4.

Konsep mengenal Allah itu akan lebih jelas lagi melalui sabda Rasulullah yang ertinya: "Supaya engkau memperhambakan diri kepada Allah, menyembah Allah, maka seakan-akan engkau melihat-Nya dan sekalipun engkau tidak melihat-Nya, namun Allah melihat engkau."

Seorang hamba dalam kehidupannya adalah merupakan seorang musafir, seorang pengembara yang akan menemui segala kemanisan hidup, yang akan menemui segala kepahitan hidup, mendaki gunung, menuruni lurah dan lembah, berjumpa dengan bermacam-macam jurang dan kejahatan dalam perjalanannya.

Ada jurang yang bernama "korapsi" atau bernama "memakan harta secara tidak wajar" yang akan dijumpai oleh seorang yang sedang memegang amanah, amanah berupa harta benda dan lain-lain kepentingan awam, atau yang akan ditemui oleh seorang yang sedang mencari rezeki di bidang perdagangan dan lain-lain.

Oleh kerana orang ini terdidik dengan Al-Quran yang mana di dalam Al-Quran ada mengatakan jangan hampiri jurang yang bernama "korapsi" atau yang bernama "memakan harta secara batil." Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 188 yang tafsirnya: "Dan janganlah kamu memakan harta orang dengan jalan yang tidak halal, jalan yang salah lagi batil."

Seorang itu mungkin akan berjumpa jurang yang bernama "kerosakan moral." Di bawah nama kerosakan moral ini akan kita temui nama-nama yang bermacam-macam ada yang bernama "pendedahan aurat", "pakaian-pakaian yang tidak sopan." Kemudian nama-nama itu diubah suai sedikit supaya bertambah manis iaitu dengan nama "pertunjukan pakaian," "pertandingan-pertandingan" kononnya hendak berbakti kepada seni dan budaya, kononnya hendak berbakti kepada masyarakat, membuat kebajikan, memungut derma dan bantuan.

Di bawah kerosakan moral ini lagi ada yang bernama "dadah" ada yang bernama "pergaulan bebas" sesuai kononnya dengan tamadun moden, tetapi mempunyai akibat yang sangat besar sampai kepada suatu generasi, turun-temurun, malu yang tidak tertanggung dibawa sampai ke mati, sampai ke alam kubur dan ke alam akhirat.

Oleh itu supaya jangan jatuh ke dalam jurang ini Allah di dalam Al-Quran memberi 'warning', memberi amaran. Quran mendidik lelaki dan perempuan supaya menjauhi jurang ini, jangan mendekati , menutup rapi segala jalan yang sampai kepadanya. Allah berfirman dalam surah Al-Isra' ayat 32 yang tafsirnya: "Dan janganlah kamu menghampiri jalan-jalan yang boleh membawa kepada zina, kerana perbuatan zina itu sesungguhnya ia adalah suatu perbuatan keji dan memalukan dan satu kejahatan yang membuka jalan bagi lain-lain kejahatan."

Demikian Al-Quran mendidik umat, segala lorong-lorong dan jalan-jalan yang sampai kepada kejahatan akan terus ditutup rapat supaya tidak ada ruang dan alasan sampai kepada kejahatan itu.

Kerana itu dalam Al-Quran diberikan suatu amaran, 'warning' secara umum, bahawa munkarat dan kejahatan itu tidak boleh dihampiri : "Dan janganlah kamu mendekati dan menghampiri kejahatan dan kemungkaran, baik yang nyata, yang nampak atau yang tersembunyi dari penglihatan dan pandangan mata manusia." — Surah Al-An'aam ayat 151.

Kekuatan keluarga adalah bererti sebahagian daripada kekuatan umat, sebaliknya kehancuran keluarga bererti kita menyediakan lubang-lubang dan jurang untuk kehancuran umat. Kerana itu prinsip pendidikan dalam keluarga adalah penting sebagaimana pentingnya pendidikan yang dikendalikan oleh negara, kedua-duanya akan timbal balik memberi sumbangan.

Amaran-amaran telah wujud di dalam Al-Quran supaya setiap keluarga akan dapat menjalankan dan melaksanakan fungsinya supaya mereka itu terselamat, selamat dan sejahtera di alam akhirat. Bersedia untuk keselamatan di akhirat bererti juga keselamatan di dunia. Dalam hubungan ini Allah berfirman : At-Tahrim ayat 6 yang tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman, pelihara dan jagalah diri kamu, anak isteri kamu yakni keluarga kamu, pelihara mereka dari api neraka."

Di dalam Al-Quran, di dalam Islam banyak cara-cara untuk menyelamatkan diri, menyelamatkan keluarga dan meyelamatkan umat. Menghayati tujuan-tujuan peribadatan dalam erti ibadat itu seluas-luasnya adalah jalan yang paling berkesan untuk mencapai keselamatan.

Menghayati tujuan peribadatan bererti juga menunaikan dan mengisi kewajipan manusia dilahirkan ke dunia ini iaitu untuk mengabdi diri kepada Allah. Firman Allah dalam Surah Az-Zariyat ayat 57 yang tafsirnya : "Dan ingatlah, Aku (Allah) tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."

Ayat di atas diperkuatkan lagi dengan tugas dan kewajipan manusia sebagai khalifah Allah di bumi. Firman Allah tafsirnya : "Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat : Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." - Al-Baqarah ayat 30.

Khalifah dalam erti yang luas, kita manusia ini mengatur dan mentadbir dunia ini menurut dasar syariat Ilahi, syariat Allah, supaya kehidupan manusia itu teratur dan mempunyai tujuan-tujuan hidup yang suci untuk mencapai keredaan Allah.

Untuk tambah memperkukuhkan erti kejadian manusia itu kita berikrar : "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, dan hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan Rabbul Alamin."

Penghayatan ibadat yang sebenar-benarnya adalah ciri-ciri pendidikan yang sangat tinggi nilainya. Ibadat itu bukan saja mengandungi unsur-unsur pahala, tetapi mempunyai tujuan-tujuan yang sangat mulia iaitu pembentuk akhlak dan budi pekerti.

Untuk lebih dekat mari kita lihat tujuan sembahyang, sembahyang itu menurut Al-Quran adalah pencegah kemungkaran dan kejahatan. Kita lihat tujuan puasa, puasa itu merupakan perisai dan benteng pertahanan dari kebuasan hawa nafsu, kita lihat zakat, zakat itu membersihkan diri dari bakhil dan kikir. Kita lihat haji, haji itu suatu pengabdian yang merangkumi semua aspek yang dimiliki oleh manusia, hartanya, jiwa dan raganya.

Lebih jauh, kita lihat 'al-birru wattakwa' kebaikan dan takwa, semuanya dimaksudkan untuk mendidik rohani dan jasmani. Semua dimaksudkan untuk memperkuat istiqamah dan pendirian hamba, bahawa manusia itu bernama "Abdun" sebagai hamba, dan sebagai hamba ia tahu akan kedudukannya dan tarafnya.

Orang yang terdidik dengan Al-Quran seluruh kegiatan hidupnya semata untuk memperolehi keredaan Allah. Firman Allah dalam Surah Al-Bayyinah ayat 8, tafsirnya: "Allah reda akan mereka dan mereka pun reda kepada Allah dengan bersyukur akan nikmat-nikmat Allah, balasan yang demikian itu untuk orang-orang yang takut, takut melanggar perintah Tuhannya."

Sekarang untuk mendekatkan gambaran pendidikan itu lihatlah bagaimana Luqman Al-Hakim mendidik anaknya sebagaimana termaktub dalam Surah Luqman sendiri dari ayat 13 — 19 yang mana ajaran-ajarannya dapat kita rumuskan ala kadarnya, sesuai dengan masa. Apa pesanan Luqman kepada anaknya:

1 Jangan menyekutukan Allah.

2 Menghormati dan berbuat baik kepada kedua ibu bapa.

3. Jangan membiasakan diri melakukan kejahatan, sekalipun kecil.

4. Kerjakan sembahyang.

5. Buatlah kebaikan, tentanglah kemungkaran, sabarlah menghadapi kesukaran.

6. Lemah lembut dalam kelakuan dan percakapan.

7. Tiada sombong dan bangga diri.

Itulah ajaran Luqman yang mengandungi dua pokok ajaran dan pesanan yang penting iaitu keimanan dan akhlak.

Inilah prinsip pendidikan yang patut ditegakkan dan dihayati dalam rumahtangga, dalam masyarakat dan negara keseluruhannya, sebab Al-Quran itu benar dalam semua sarananannya.

Kerana itu kanak-kanak yang sudah patut pandai mengaji, hendaklah diajar mengaji, kanak-kanak yang sudah patut sembahyang hendaklah ia diajar sembahyang, demikianlah seterusnya mereka terus dikenalkan apa itu halal, apa itu haram, makruh, sunnat dan sebagainya. Seterusnya mereka diajar apa erti kehormatan Islam itu, sebagaimana mereka diajar dalam sekolah tentang sivik, erti No Smoking" di tempat-tempat yang tidak dibenarkan merokok, "No Entry" di tempat-tempat jalan yang tidak dibenarkan masuk, dan lain-lain tanda yang menunjukkan 'jangan buat'. Tetapi sayang ada juga orang Islam seperti tidak kenal akan tanda "INI BUKAN MAKANAN UNTUK ORANG ISALAM" padahal tanda ini ada

Lihat muka 8

# SEJARAH PENTING KEPADA NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam perkembangan Negara Brunei Darussalam, sejarah memainkan salah satu peranan penting kepada negara kerana dengan adanya sejarahlah, Negara Brunei Darussalam dapat diketahui asal-usulnya dan rakyat Brunei dapat mengetahui latar belakang keadaan negara mereka sendiri.

Pengertian sejarah yang umum adalah satu catatan masa lalu tentang peristiwa-peristiwa, kejadian-kejadian yang berlaku, sama ada perkara-perkara yang dicatatkan itu mengenai riwayat hidup dan kegiatan manusia atau kegiatan persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan siasah yang bertarikh ataupun tidak.

Ketua Pengarang Pusat Sejarah, Awang Muhammad bin Abdul Latif menyatakan demikian bagi pihak Pengetua Pusat Sejarah kepada seramai 24 orang penuntut Pusat Tingkatan Enam dari Kelab Sejarah yang mengadakan lawatan sambil belajar ke pusat ini baru-baru ini bertempat di bilik persidangan Pusat Sejarah. Rombongan itu telah diketuai oleh Cikgu Remang bin Jambu.

Seterusnya, Awang Muhammad menerangkannya, "Orang-orang Brunei katani dahulu mencatatkan sejarah kebanyakannya tidak mempunyai tarikh tertentu sehingga apabila kedatangan orang-orang Barat ke sebelah sini, baharulah masalah pertarikhan itu diambil kira. Pada dasarnya, sejarah masa lampau itu adalah merupakan satu hakikat ciri-ciri penceritaan yang jelas mengenai sesuatu perkara yang diceritakan."

Tambah Awang Muhammad lagi, "Hikayat Hang Tuah misalnya, menceritakan tentang sejarah Negeri Melaka. Dalam Hikayat Hang Tuah ini tidak mempunyai catatan pertarikhan tetapi di dalamnya menceritakan sejarah permulaan, sejarah kemasyhuran dan sejarah kejatuhan Melaka."

Dalam taklimat kepada penuntut-penuntut itu juga, Awang Muhammad telah menerangkan serba sedikit tentang permulaan Brunei Tua. Negeri ini pada mulanya adalah jajahan takluk Kerajaan Majapahit tetapi setelah Hayam Worok yang menjadi pemerintah Kerajaan Majapahit itu lindung, maka kira-kira dalam Tahun Masihi 1402, Brunei telah mengisytiharkan tidak lagi mahu menghantar ufti ke Majapahit sebaliknya Brunei telah meminta perlindungan kepada Negeri China. Akhirnya perhubungan Brunei — China menjadi erat, lebih-lebih lagi setelah Ong Sum Ping datang ke Brunei dan berkahwin dengan puteri Sultan Muhammad Shah.

Melalui konsep perlindungan ini juga, tambahnya lagi, pada Tahun Masihi 1888, Brunei telah meminta perlindungan kepada Kerajaan Inggeris kerana Brunei pada masa itu, sedang dihimpit oleh North Borneo Company di sebelah timur dan James Brooke di sebelah barat, tambah pula masa itu kawasan di sebelah sini merupakan kawasan yang tidak selamat kerana Portugis, Sepanyol, Belanda dan Amerika berebut-rebut mencari tanah jajahan baru.

Di akhir lawatan, rombongan penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam itu telah dibawa melawat ke beberapa bahagian pusat tersebut untuk meninjau secara dekat lagi tentang kerja-kerja dan kegiatan yang dijalankan.



DAYANG Mastura, salah seorang Pegawai Pusat Sejarah, memberikan penerangan kepada penuntut-penuntut PTE mengenai dengan tugas dan peranan Bahagian Perpustakaan jabatan tersebut. — Gambar Pusat Sejarah.

# 21 orang dicalonkan bagi Ketua Kampung

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 21 orang telah dicalonkan bagi mengisi jawatan Ketua Kampung di lima buah kampung di Daerah Brunei dan Muara.

Majlis perjumpaan pencalonan itu telah dilangsungkan secara berasingan baru-baru ini.

Tiga orang telah dipilih bagi jawatan Ketua Kampong Sungai Tilong, empat bagi Kampong Sumbiling Lama, lima di Kampong Sungai Buloh, empat di Kampong Ujong Tanjong (Kuala Peminyak) dan lima lagi di Kampong Madewa.

Sementara itu tujuh buah kampung yang lain dijangka akan mengadakan majlis yang sama pada awal Mei ini.

Dalam hubungan itu kepada penduduk-penduduk kampung yang berumur 21 tahun adalah diminta hadir di majlis tersebut pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

Kampung-kampung yang terlibat ialah Kampong Madang, Kampong Jaya Setia (Jaya Bakti dan Berakas Estate), Bengkurong, Menglait, Lurong Sekuna, Ayer Berkunci dan Kampong Serusop.

Dalam pada itu, setiap pencalonan yang dibuat hendaklah tertakluk kepada beberapa syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

- Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.
- Berumur tidak kurang dari 30 tahun dan tidak lebih 60 tahun.
- Mempunyai kelulusan pelajaran sekurang-kurangnya di peringkat Sijil Rendah Pelajaran atau sebanding dengannya.
- Mestilah terdiri dari kalangan penduduk yang bermastautin di kampung berkenaan.
- Hendaklah bukan pegawai Kerajaan atau terlibat secara langsung dalam mana-mana syarikat perniagaan atau lain-lain jawatan dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan tidak menjadi ahli sebarang badan siasah.



PEGAWAI Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin, ketika memberi penerangan kepada penduduk kampung sebelum pencalonan dimulakan. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

# Syarahan khas

Dari muka 6

hubungan dengan "kehormatan Islam". Tanda itu ada hubungan dengan maruah kita di hadapan manusia. Di mana awar galat kita?

Sebenarnya, pendidikan Al-Quran adalah merangkumi pendidikan yang lengkap; dalam bidang kemasyarakatan, ekonomi, undang-undang, siasah kenegaraan dan antarabangsa, sains, teknologi serta falsafah.

Semua persoalan di atas telah menjadi sebahagian daripada persoalan kehidupan manusia sesama manusia. Kerana itu pendidikan Al-Quran, pendidikan Islam selain membentuk manusia salih harus juga mampu menyahut cabaran dan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh kehidupan kebendaan yang sentiasa melanda manusia dari masa ke masa, dari zaman ke zaman.

Untuk menyahut cabaran-cabaran di atas maka pendidikan Al-Quran membawa tugas untuk melahirkan manusia yang berilmu pengetahuan yang menghubungkan di antara hamba dengan penciptanya — yakni Allah dan ilmu pengetahuan yang menghubungkan manusia dengan manusia. Kerana itu ayat pertama yang diturunkan iaitu "Iqra bismi rabbikal lazikhalaq" untuk bacaan yang sebenarnya sila rujuk Al-Quran — Pengarang) dan seterusnya adalah gambaran yang jelas tentang peri mustahaknya ilmu pengetahuan itu. Dan dengan ilmu pengetahuan itu juga meninggikan status hamba ke taraf yang mulia dan terhormat. Sebab itu konsep ilmu itu sendiri di dalam Islam akan membawa tugas yang lain pula iaitu menanamkan dasar ketakwaan sebagaimana firman Allah dalam Surah Fatir ayat 28 yang tafsirnya: "Sesungguhnya yang menaruh bimbang dan takut melanggar perintah-perintah Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu."

Sebenarnya di antara matlamat pendidikan Al-Quran ialah asas pelaksanaan ideologi Islam itu sendiri, yang akan melahirkan manusia salih dan takwa, manusia salih dan takwa itu pula adalah asas kepada sebaik-baik umat yang menegakkan amal maaruf, menegakkan nahi munkar sebagaimana yang dijanjikan Allah di dalam Al-Quran.

Sekian, wabillahit taufik wal hidayah, assalamu alaikum warahmatullah.

# *Persembahan pancaragam*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 43 orang anggota Pasukan Pancaragam 25th US, Infantry Division, Hawaii akan membuat persembahan di negara ini.

Persembahan pertama akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien pada 10 Mei depan bermula jam 4.30 petang hingga 5.30 petang.

Manakala pada 11 Mei pula akan diadakan di Padang KBRC, Kuala Belait dari jam 5.00 petang hingga 6.00 petang.

Dalam kedua-dua pertunjukan itu, Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan digabungkan bersama dengan pasukan pancaragam pelawat itu. Ini adalah pertunjukan yang pertama kali diadakan dan terbuka kepada orang ramai.

# Keputusan peperiksaan London G.C.E.

BERAKAS. — Lembaga Peperiksaan di sini baru-baru ini mengeluarkan keputusan Peperiksaan London GCE peringkat biasa dan lanjutan yang telah diadakan di negara ini dalam bulan Januari lepas.

Dari 1251 orang calon yang menduduki peperiksaan itu di peringkat biasa, hanya seramai 554 orang atau 44.28 peratus berjaya mendapat antara satu hingga tujuh GCE.

Sembilan orang darinya mendapat tujuh GCE, 16 orang mendapat 6, 24 orang mendapat 5, 40 mendapat 4, 53 orang mendapat 3, 100 orang mendapat 2 dan 312 orang mendapat 1.

Sementara itu dalam peringkat lanjutan, seramai 175 orang dari 252 orang calon berjaya memperolehi sekurang-kurangnya 4 'A' dan 1 'O'.

Tiga orang berjaya memperolehi empat 'A' lapan orang mendapat 3, sembilan orang mendapat 2 dan 36 orang lagi mendapat satu peringkat 'A'. Di peringkat lanjutan ini juga, hanya seorang mendapat 4 peringkat biasa, tiga orang mendapat 3, 17 orang mendapat 2 dan 98 orang mendapat 1 'O'.

# Pegawai Bomba berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai kanan Pasukan Bomba dijadualkan bertolak ke United Kingdom pada petang ini untuk mengikuti kursus kebombaan.

Penolong Penguasa Bomba, Awang Hitam bin Sidek dari Cawangan Pusat dan Penolong Penguasa Bomba Awang Abd Latif bin Mail dari Cawangan Pencegah Kebakaran akan mengikuti kursus di Eton Hall International, Retford, Nottinghamshire selama lima bulan.

Semasa di sana mereka akan mengikuti kursus "Fire Protection Officers Certificate", kursus "Fire Protection Officers Diploma", kursus "Fire Officers Management Diploma" dan kursus "Hospital Fire Officers Certificate".

Mereka akan memulakan kursus tersebut mulai dari 6 Mei dan berakhir dalam bulan September.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menerima Surat Tauliah Perlantikan Duta Besar Chile, TYT Thomas Amenabar Vergara (atas) dan Duta Besar Republik Persekutuan Jerman, TYT Eckart CUNTZ (kanan). — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

# DUA DIPLOMAT ASING SERAH SURAT TAULIAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah perlantikan Duta Besar dari Chile dan Republik Persekutuan Jerman ke negara ini pada Rabu lepas. Istiadat penyerahan surat-surat Tauliah Perlantikan itu telah diadakan di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama Thomas Amenabar Vergara, Duta Besar Chile mendahului istiadat menyembahkan Surat Tauliah perlantikannya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Kemudian Diplomat Chile itu seterusnya diperkenankan mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.

Selepas itu Duta Besar Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Eckart CUNTZ pula menyembahkan Surat Tauliah perlantikannya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Selepas menyembahkan Surat Tauliah perlantikannya, Tuan Yang Terutama Eckart CUNTZ juga diperkenankan mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.

Terdahulu daripada itu di pekarangan Istana Nurul Iman kedua diplomat tersebut telah menerima 'Tabik Hormat' daripada Pasukan Kawalan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Duta Besar Chile itu berusia 61 tahun telah berkhidmat dengan Kementerian Luar Negerinya sejak tahun 1953 dan pernah berkhidmat di Amerika Syarikat, Sweden dan beberapa buah negara di Amerika Latin.

Selain dari bertugas di negara-negara tersebut, Tuan Yang Terutama Thomas Amenabar Vergara juga pernah mewakili negaranya ke persidangan Bangsa-bangsa Bersatu. Beliau juga telah banyak menerima anugerah kehormat serta beberapa buah buku tentang kejayaannya telah ditulis.

Manakala Tuan Yang Terutama Eckart CUNTZ berusia 35 tahun pernah berkhidmat di bahagian politik Kementerian Hal Ehwal Luar di Bonn sejak tahun 1983. Beliau pernah berkhidmat di Kuala Lumpur dan Luanda (Angola).

## Kursus Kerani

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan akan mengadakan satu kursus kakitangan Kerajaan peringkat permulaan pada hari Selasa 7 hingga 9 Mei depan.

Kursus tersebut adalah bagi kerani-kerani dan pelayan-pelayan di jabatan-jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Kursus tersebut dikelolakan oleh Pusat Latihan jabatan tersebut dihadiri oleh beberapa orang kerani-kerani dan pelayan.

# Borang permohonan baru untuk berkhidmat dengan Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri hari ini mula mengeluarkan Borang-Borang Permohonan Baru untuk berkhidmat dengan Kerjaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang tersebut dikeluarkan dalam Bahasa Melayu bagi kegunaan pemohon-pemohon dalam negeri dan dalam Bahasa Inggeris bagi kegunaan pemohon-pemohon di luar negeri.

Selain dari itu borang baru ini juga mengandungi lapan bahagian yang mesti diisi oleh semua bakal-bakal pemohon.

Ruangan di Bahagian Pertama, pemohon-pemohon dibenarkan memohon sehingga 5 jawatan dalam satu borang, selain dari itu pemohon juga dikehendaki menandakan di petak yang disediakan jika pemohon sedang berkhidmat dengan Kerajaan di negara ini atau pemegang dermasiswa.

Di Bahagian Kedua, mengandungi butir-butir peribadi pemohon, seperti kad pengenalan, tarikh lahir, taraf kelamin, bangsa dan ugama.

Bagi yang tidak mempunyai kad pengenalan Negara Brunei Darussalam, hendaklah mengisikan ruangan Kad Pengenalan bukan Brunei dan ruangan Pasport. Sementara pemohon yang mempunyai kad pengenalan negara ini dan juga kad pengenalan asing, dikehendaki mengisikan kedua ruangan tersebut.

Di dalam Bahagian Kedua ini dikehendaki menyatakan jenis lesen jika mereka boleh memandu.

Seterusnya di Bahagian Ketiga mengandungi butir-butir persekolahan dan juga keputusan peperiksaan di peringkat rendah dan menengah yang diperolehi oleh pemohon. Ini termasuklah butir-butir pendidikan semenjak umur 6 tahun sehingga sijil yang tertinggi yang telah diperolehi oleh pemohon. Dalam bahagian ini juga pemohon dikehendaki mengisikan ruangan kebolehan menulis dan bertutur dalam bahasa dan loghat.

Bahagian Keempat, pemohon dikehendaki mengisikan ruangan keputusan Peperiksaan-Peperiksaan Kerajaan dan butir-butir latihan atau persidangan yang diikuti oleh pemohon-pemohon yang telah berkhidmat dengan Kerajaan.

Bahagian Kelima pula adalah untuk diisikan oleh semua pemohon yang sudah pernah bekerja. Di bahagian ini pemohon dikehendaki memberikan butir-butir semua pekerjaan dahulu termasuk perkhidmatan dalam Angkatan Bersenjata dan Pasukan Polis. Jika ruangan-ruangan di bahagian ini didapati tidak mencukupi pemohon dikehendaki menyalin atau gambarkan ruangan yang berkenaan dan seterusnya sertakan bersama borang itu.

Bahagian Keenam, mengandungi butir-butir keluarga seperti suami, isteri pemohon, bapa dan ibu pemohon, butir-butir anak dan senarai nama jawatan-jawatan yang pemohon pernah menjadi calon bagi tempoh 12 bulan yang lalu.

Seterusnya Bahagian Ketujuh adalah untuk diisikan oleh semua pemohon yang belum berkhidmat dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Dalam bahagian ini pemohon dikehendaki mengemukakan empat orang penjamin seperti penjamin pertama terdiri dari mahaguru, guru atau ahli-ahli pengajar maktab atau universiti. Penjamin kedua terdiri dari pengurus atau majikan pemohon dan penjamin ketiga dan keempat terdiri dari dua orang penjamin yang bukan dari kalangan keluarga pemohon.

Akhir sekali Bahagian Kelapan pemohon dikehendaki mengisikan ruangan alamat tetap dan alamat sekarang, nombor telefon dan gambar.

Di samping itu pemohon-pemohon juga dikehendaki mengembalikan bersama borang tersebut salinan bergambar sijil-sijil dan persuratan-persuratan yang berkenaan kepada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas.




INI adalah salah satu contoh untuk mengisi borang permohonan yang baru.

## *Menjadi beban*

**Dari muka 1**

Menyentuh mengenai generasi baru ini, Baginda bertitah bahawa semua negara di dunia ini masing-masing menghadapi masalah belia-belia mereka. Setengah daripada masalah-masalah itu titah Baginda selanjutnya amatlah membimbangkan kita sebagai satu bangsa yang berkehendakkan kehidupan yang setabil dan berbudi pekerti.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, sebahagian belia-belia pada setengah-tengah tempat atau negeri tidak lagi menjadi ejen kebajikan tetapi menjadi beban yang berat kepada negara mereka.

"Tidak lagi menjadi kebanggaan bangsa tetapi menjadi kebencian umum pula iaitu setelah belia-belia itu bersikap liar dan menjadi ancaman kepada negara serta menjadi penyebar kerosakan dan penyakit serta sebagai pelanggar tatasusila dan budaya yang sopan lagi senonoh.", titah Baginda.

# ISTIADAT BERKHATAN

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat Berkhatan bagi Cucunda Angkat, Cucunda Asuh dan Cucunda Pelihara kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia 2Lt Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah bin Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, akan diadakan minggu hadapan.**

Istiadat tersebut akan bermula pada hari Sabtu, 4 Mei dengan Istiadat Mengurniakan Gendang Jaga-Jaga di Lapau dan diikuti dengan Istiadat Menjawati Pengurniaan Gendang Jaga-Jaga di Istana Darul Hana.

Istiadat Berjaga-Jaga selama enam hari akan diadakan di Istana Darul Hana, dan Istiadat Berpacar bagi Istiadat Berkhatan akan diadakan pada 7 Mei, hari Selasa malam Rabu.



YANG Amat Mulia 2nd Leftenan Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah.

Istiadat Berarak akan diadakan pada sebelah petang, 8 Mei. Perarakan itu akan bermula dari Istana Darul Hana dan di kawasan Balai Bomba, menuju ke tengah bandar melalui Jalan Sultan dan seterusnya melalui Jalan McArthur ke arah Jalan Stoney. Seramai kira-kira 12,000 orang murid-murid sekolah akan mengalu-alukan di sepanjang jalan perarakan.

Istiadat akan berakhir pada hari Khamis, 9 Mei, dengan Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga.

Sebuah Jawatankuasa Tertinggi yang dianggotai oleh seramai 36 orang telah dibentuk dengan kurnia sabda Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan. Pengerusi Jawatankuasa tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

Beberapa buah Jawatankuasa Bahagian juga telah dibentuk oleh Jawatankuasa Tertinggi.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.